

24/02/2003

Syor selaras perniagaan negara anggota

POTENSI perniagaan di kalangan 114 negara anggota NAM sangat meluas terutama menerusi penerokaan usaha niaga secara perkongsian pintar, kata Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjuran Forum Perniagaan NAM, Mirzan Mahathir.

Sehubungan itu, Mirzan yang juga Presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli), menyarankan anggota pergerakan itu menubuhkan Majlis

Perniagaan NAM untuk menyelaraskan rancangan penerokaan usaha niaga antara

organisasi perniagaan di kalangan negara anggota.

"Adalah diharapkan idea penubuhan sebuah majlis perniagaan NAM akan mendapat sokongan ketua kerajaan NAM," katanya dalam ucapan pembukaan forum dua hari itu yang bermula semalam di Petaling Jaya.

Forum Perniagaan NAM mengenai Kerjasama Selatan-Selatan dianjurkan Asli

dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Persatuan Selatan-

Selatan Malaysia (MASSA).

Katanya, kerajaan negara NAM perlu menyokong usaha penerokaan perniagaan

secara usaha sama di kalangan negara anggota. Kemajuan perniagaan akan memakmurkan negara anggota sekali gus meningkatkan taraf hidup

keseluruhan

rakyat.

"Masyarakat perniagaan perlu meneroka dan mencari peluang melabur di negara sahabat anggota NAM untuk mengukuhkan kemakmuran bersama dan menggunakan potensi pergerakan berkenaan dalam senario perdagangan dan pelaburan dunia yang sekarang ditentukan negara di Utara," katanya.